

PETUGAS banci dan anggota polis memberi penerangan kepada golongan tidak berumah sebelum maklumat mereka direkodkan.

Lari lintang pukang ketika dibinci

Oleh MARIATUL QATIAH ZAKARIA
maria.zakaria@utusan.com.my
Gambar SHAIFUDIN MOHD. NOR

UMUM mengetahui bahawa bincian berskala yang dilakukan setiap 10 tahun mengikut Peruntukan Seksyen 3, Akta Banci Penduduk 1960 adalah satu proses menghitung semua penduduk Malaysia. Ia termasuk warga asing yang tinggal di negara ini sekurang-kurangnya enam bulan, sama ada secara sah atau haram.

Malah ia turut membabitkan penduduk Malaysia yang tidak memiliki kediaman.

Baru-baru ini, penulis berkesempatan mengikuti pegawai dan penyelia bincian melakukan bincian ke atas mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal di sekitar Kuala Lumpur.

Ia dilakukan pada sebelah malam kerana rata-rata mereka yang tidak mempunyai rumah akan tidur di kaki-kaki lima pusat membeli-belah, perhentian bas, taman-taman, lorong-lorong, tangga, jejambat dan sebagainya.

Proses ini bukan mudah kerana kadang kala sukar untuk mendapatkan kerjasama golongan ini.

Malah ada yang lari lintang pukang apabila dihimpiri pegawai bincii kerana beranggapan mereka mungkin akan ditangkap pihak berkuasa.

Yang sedang tidur terkejut dan lari




BAKARUDDIN OTHMAN

lintang kerana mereka menyangka ia operasi untuk menahan mereka.

Ada pula yang terpinga-pinga selepas dikejutkan dari tidur.

Pegawai bincii terpaksa memberi penerangan yang sewajarnya kepada yang terlibat agar mereka memahami tujuan program itu.

Sebuah itu menuntut kesabar dan ketenangan daripada pegawai terbabit kerana mereka yang tidak berumah dan tidur di kaki lima dan lorong-lorong belakang itu mempunyai latar belakang



ADA di kalangan responden jalanan enggan memberikan kerja sama yang diperlukan.



PARA petugas banci dan anggota polis berbincang terlebih dahulu sebelum program bincian dilakukan.

yang berbeza.

Ramai juga yang enggan memberikan kerjasama malah ada yang mlarikan diri apabila didekati.

Ini menyebabkan para pembanci gagak menemuramah dan mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Bagaimanapun, pembanci yang terlibat pada malam tersebut mengambil cara alternatif dengan hanya menyenaraikan jantina serta keturunan bagi responden yang tidak mempunyai kediaman itu.

Usaha ini juga dilihat boleh membantu mempercepatkan proses membanci penduduk dan perumahan yang dilancarkan di seluruh negara itu.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan), Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Bakaruddin Othman, operasi tersebut merupakan yang pertama selepas Banci 2010 dilancarkan pada 6 Julai lalu.

Katanya, bandian golongan tidak berumah itu melibatkan lima kawasan di Kuala Lumpur dan ia dijalankan secara bersepada dengan kerjasama polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL).


Tambah beliau, pihaknya telah menetapkan kawasan-kawasan bincian dan mengharapkan supaya ia dapat berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

Operasi bandi golongan tidak berumah pada malam tersebut dibantu 51 pegawai dari Jabatan Peranginan Wilayah Persekutuan, lapan pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan 18 anggota polis.

Antara lokasi-lokasi yang terlibat ialah Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Raja Laut, Jalan Haji Taib, Jalan Masjid India, Jalan Melayu, Jalan Melaka, Jalan Tun Perak, Jalan Tun Tan Cheng Lok, Jalan Sultan, Bulatan Kampung Pandan, Jalan Raja, Jalan Sultan Hishamuddin, Taman Tasik Perdana, Bangunan KL Sentral, Taman Tasik Titiwangsa, Jalan Ampang-KLCC, Jalan Imbi dan Jalan Bukit Bintang.

Kesemua lokasi tersebut telah dibahagikan kepada 11 kumpulan.

Jelas Bakaruddin, untuk seluruh Wilayah Persekutuan, pihaknya telah melantik seramai 1,664 pembanci dan 13 orang Penolong Pesuruh Jaya.



SEORANG pembanci menjalankan tugas bincian di sekitar kaki lima kedai, di Kuala Lumpur baru-baru ini.